

Media Title : Harian Metro
Headline : RM98,670 lesap dek 'Bantuan Prihatin'
Date : 21 January 2023
Section : Lokal
Page : 24



RM98,670 lesap dek 'Bantuan Prihatin'

Alor Gajah: Seorang suri rumah kerugian RM98,670 akibat diperdaya sindiket penipuan 'Bantuan Prihatin' bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Arshad Abu berkata, mangsa berusia 42 tahun menerima panggilan daripada nombor tidak dikenali memperkenalkan diri dari ibu pejabat sebuah syarikat telekomunikasi di Kuala Lumpur, pada 25 Disember lalu.

Menurutnya, suspek memaklumkan kononnya mangsa terpilih menerima bantuan prihatin dan mengarahkannya mengisi maklumat peribadi menerusi pautan diberikan.

Katanya, mangsa teruja dan tidak mengesyaki apa-apa menekan pautan terbabit serta mengisi butiran dikehendaki termasuk maklumat perbankan di satu laman web.

"Pengadu mengisikan maklumat termasuk ID pengguna dan kata laluan perbankan dalam talian, tarikh luput kad ATM (mesin juruwang automatik) dan kod CVC belakang kad ATM miliknya.

"Selesai perbualan, pe-

ngadu membuat semakan dan terkejut mendapati wang simpanan di dalam akaun banknya sudah dipindahkan ke beberapa akaun tidak dikenali berjumlah RM98,670 menerusi lapan transaksi," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Arshad berkata, mangsa yang menyedari ditipu kemudian membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah, Rabu lalu.

"Siasatan lanjut sedang dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan polis mengingatkan orang ramai supaya sentiasa berhati-hati apabila menerima pautan daripada individu tidak dikenali.

"Jangan menekan sebarang pautan yang diberikan individu tidak dikenali serta memberikan maklumat seperti butiran peribadi perbankan.

"Ini bagi mengelakkan suspek memancing datang *phishing* daripada maklumat akaun perbankan yang diberikan," katanya.